



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

DARI SEKOLAH KE KOMUNITI: ADVOKASI KANAK-KANAK DIPERLUAS

KUALA LUMPUR, 9 OGOS – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menganjurkan **Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Tahun 2025**. Program telah dirasmikan oleh YB Dato’ Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK), PPR Kerinchi, Kuala Lumpur.

Program ini antara usaha berterusan kerajaan bagi meningkatkan kesedaran awam terhadap isu penderaan, pengabaian dan eksloitasi kanak-kanak, selaras dengan pelaksanaan Akta Kanak-Kanak 2001. Sebagai usaha berterusan dan memberi nilai tambah dalam Teras Strategik untuk Melindungi dan Membangun Kanak-Kanak, KPWKM telah memperluaskan pelaksanaan program advokasi kanak-kanak yang sebelum ini dijalankan di sekolah-sekolah kepada 30 buah Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) di seluruh Malaysia. Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan dalam memperkuuh advokasi perlindungan kanak-kanak, sebagai satu gerakan nasional yang menyeluruh dan inklusif.

YB Dato’ Sri Hajah Nancy Shukri dalam ucapannya berkata usaha perlindungan kanak-kanak perlu digerakkan secara menyeluruh oleh semua lapisan masyarakat. Statistik JKM menunjukkan bahawa sebanyak 650 kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak telah dilaporkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sehingga Jun 2025, termasuk 95 kes dari daerah Brickfields sahaja. Data ini menunjukkan perlunya penglibatan aktif semua pihak, termasuk komuniti dalam menjadi ‘mata dan telinga’ KPWKM dan pihak berkuasa.

Sepanjang tahun 2024, program advokasi kanak-kanak telah dilaksanakan di sekolah-sekolah seluruh negara, termasuk 7 buah sekolah di WPKL yang melibatkan 2,519 peserta. Program ini juga telah dilaksanakan di dua sekolah dalam daerah Brickfields yang melibatkan 1,350 peserta. Bagi tahun 2025, Kementerian menyasarkan pelaksanaan program ini di 300 buah sekolah seluruh negara.

Dalam era pendigitalan, risiko penderaan dalam talian seperti buli siber dan eksploitasi seksual juga semakin membimbangkan. Justeru, masyarakat diseru agar lebih peka dan segera melaporkan sebarang kes melalui **Talian Kasih 15999** atau **WhatsApp ke 019-2615999**.

Selesai acara, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri terus bergegas menyantuni mangsa kebakaran rumah setinggan Jalan Pantai Dalam yang ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Dewan Sekolah rendah Agama Al Khawarismi, Jalan Pantai Permai 7, Lembah Pantai. Treagedi kebakaran yang berlaku pada 7 Ogos 2025 melibatkan 17 buah keluarga dengan 64 orang mangsa. Semasa di PPS yang dikendalikan oleh JKM, mangsa telah diberikan bantuan awal seperti pakaian, selimut, bantal, kit kebersihan diri dan kemudahan makanan empat kali sehari bagi menjaga kebajikan dan keselesaan mangsa.

Dalam kunjungan tersebut, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri telah menyampaikan bantuan segera bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat berupa wang tunai bernilai RM300.00 kepada mangsa yang terlibat. Menurut YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, kementeriannya akan meneliti semula bentuk bantuan lain yang boleh diberikan kepada mangsa bagi meringankan beban mereka selepas ditimpa musibah.

YB Nancy turut merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang telah bertungkus lumus menyantuni mangsa-mangsa di PPS. Beliau juga mendoakan agar semua mangsa tabah dan tenang menghadapi ujian serta menyeru agar badan-badan NGO dan pihak swasta turut bersama-sama Kerajaan dalam menghulurkan bantuan bagi memastikan mangsa mendapat bantuan sewajarnya. Kunjungan turut disertai YB Datuk Ahmad Fahmi Mohamed Fadzil, Menteri Komunikasi merangkap Ahli Parlimen Lembah Pantai, Datuk Che Murad Sayang bin Ramjan dan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat.

####

**UNIT PERHUBUNGAN AWAM
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
9 OGOS 2025**